



كوڤراسي ڤورو ملايو كلنتن برحد

**KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD**

**CATATAN MINIT  
MESYUARAT AGUNG KAWASAN  
KOTA BHARU 1**

**TARIKH : 30 MAC 2019  
TEMPAT : BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN NEGERI  
KELANTAN  
MASA : 10.00 PAGI**

**ATURCARA  
MAJLIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN**

- 09.00 Pagi : Pendaftaran
- 10.00 Pagi : Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al – qur'an dan bacaan doa.
- : Ucapan Pengerusi Lembaga
- 10.30 Pagi : Mesyuarat dimulakan mengikut agenda.
1. Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat.
  2. Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat.
  3. Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke-12.
  4. Menimbang Laporan Lembaga 2018.
  5. Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke- 24 tahun 2019.
  6. Menimbang draft akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi Berakhir 31 Disember 2018.
  7. Menimbang belanjawan tahunan bagi tahun 2020 semakan 2019 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-24 Tahun 2019.
  8. Menimbang cadangan pindaan kepada Undang – Undang Kecil dan Aturan – Aturan Aktiviti Koperasi jika ada.
  9. Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

**CATATAN MINIT MESYUARAT AGUNG KAWASAN  
KAWASAN KOTA BHARU (1)**

Tarikh : 30 Mac 2019  
Tempat : Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN)  
Masa : 10.00 Pagi

2. Kehadiran :

2.1 Lembaga : 1) Hj. Ab Kadir b Ya'acob  
2) Hj. Mohamad Razali b Haji Bakar  
3) Hj. Che Husin b Che soh  
4) En. Mohd Zin b Halim  
5) En. Asmadi b Omar  
6) En. Muhammad Nor b Ishak  
7) En. Mohamed Zahari b Mohamed Zain  
8) Hj. Yahaya b Isa  
9) Hj. Ghazali b Jusoh  
10) Hj. Mohd Rofi b Mohd Zain  
11) Hj. Ismail b Salleh  
12) En. Mohd Fadzil b Che Saleh

JAD : 1) Hjh Zubaida bt Ibrahim  
2) En. Megat Shariman b Mohd Hashim  
3) Hj. Mat Kait b Abdullah  
4) En. Kamaruzaman b Hj Daud

2.2 Anggota : 539 orang

### 3. UCAPAN Pengerusi Lembaga

Oleh : Tn. Hj. Ab Kadir b Ya'acob  
Pengerusi Lembaga  
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad

Yang dimuliakan saudara Pengacara Majlis  
Yang dihormati barisan ALK, JAD, Warga Pengurusan  
Dan anggota kawasan Kota Bharu 1

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum W.B.T terutama sekali saya ingin memanjatkan ucapan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Illahi atas limpah dan kurniaNya kerana telah mengizinkan kita semua berkumpul dalam Mesyuarat Agung Kawasan Kota Bharu 1 pada hari ini.

Tuan/puan sekalian,

Seperti tuan/puan sedia maklum, MAK ini diadakan adalah dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat semasa tentang koperasi dari aspek kewangan, perniagaan dan faedah-faedah yang dinikmati. ALK berharap anggota-anggota yang hadir pada hari ini dapat memberikan pandangan dan teguran yang membina demi membangunkan koperasi untuk masa akan datang.

Dalam Perancangan Strategik 2019, ALK telah mengambil keputusan untuk membina Visi Koopguru bagi tahun 2019-2023 iaitu Keuntungan Berganda dan Berkebakjikan. Melalui keuntungan yang diperolehi oleh koperasi, semua anggota akan dapat menikmati dividen tahunan yang tinggi serta dapat menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan oleh koperasi. Sekiranya semua sasaran koperasi berjaya dicapai, lebih banyak kebajikan akan diberikan kepada anggota.

Untuk mencapai semua Visi Keuntungan Berganda & Berkebakjikan, koperasi telah menetapkan lima (5) Misi iaitu :

1. Mempertahankan nilai dan etika koperasi (Jujur, Prihatin, Terbuka, Bertanggungjawab dan Sikap Membina).
2. Mewujudkan satu sistem yang mantap dan terkawal di mana ALK sebagai peneraju dan pencetus dasar.
3. Mewujudkan tadbir urus yang cekap, telus, adil dan saksama berlandaskan berlandaskan UUK, Aturan dan SOP.
4. Mewujudkan satu pengkalan data yang efisien, lengkap dan kemaskini.
5. Melahirkan pasukan pemasaran yang berdaya maju.

Tuan/puan sekalian,

Pada tahun 2018, koperasi kita berada di kedudukan ke 48 daripada 100 koperasi terbaik di Malaysia. Oleh itu, semua anggota perlu memberikan sokongan yang padu kepada setiap aktiviti yang dijalankan oleh koperasi seperti aktiviti kredit atau pinjaman, pembelian rumah dan tanah, servis kereta di Kualiti Kedai Tayar, menggunakan perkhidmatan menyimpan emas atau pajak gadaai di Ar-Rahn milik koperasi dan serta menyewa bilik atau menyewa dewan di Hotel Diamond.

Sasaran keuntungan koperasi pada tahun 2019 ialah sebanyak RM4 juta. Untuk mencapai sasaran ini, semua ALK perlu bekerja mengikut landasan yang betul. Semua ALK akan menunaikan amanah yang telah diberikan.

Agenda yang paling penting pada hari ini ialah untuk memilih anggota perwakilan bagi setiap kawasan. Anggota perwakilan ini yang akan hadir pada Mesyuarat Agung Perwakilan 2019 yang bakal diadakan pada bulan Jun nanti. Anggota perwakilan yang akan dipilih bagi kawasan KB 1 pada hari ini ialah seramai 25 orang dan mereka akan mewakili semua anggota untuk menghadiri MAP bagi pemilihan ALK yang akan bertanding nanti. Oleh itu, semoga semua anggota perwakilan ini dapat memilih calon ALK yang layak dan berintegriti dalam menjalankan amanah yang diberikan.

### **Kewangan**

Untuk pengetahuan semua anggota, jumlah peminjam sepanjang tahun 2018 ialah seramai 915 orang sahaja. Jumlah ini sangat rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Oleh itu, pada tahun ini koperasi telah bersetuju untuk mengadakan promosi pinjaman dengan peratusan faedah sebanyak 3.0% sahaja. Saya berharap dengan promosi yang diadakan ini dapat menarik semua anggota untuk membuat pinjaman dengan koperasi.

### **Ar-Rahn**

Sehingga kini Koop Guru telah mempunyai dua buah cawangan Ar-Rahn iaitu di Jalan Kebun Sultan dan juga di Arked Mara Melor. Saya menyeru supaya semua anggota berurusan di Ar-Rahn milik Koop Guru kerana kami menyediakan upah simpan paling rendah berbanding Ar-Rahn lain dalam negeri Kelantan. Tempoh matang bagi sesuatu pajakan adalah selama enam bulan, namun sekiranya pelanggan tidak mampu untuk menebus dalam tempoh tersebut tempoh akan dilanjutkan selama dua bulan lagi.

Pada tahun 2016, Ar-Rahn telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM 1 juta. Semua keuntungan ini akan dipulangkan kepada anggota Koop Guru sebagai dividen tahunan.

Oleh itu, saya berharap semua anggota mendapatkan khidmat di Ar-Rahn Koop Guru kerana kami akan memberi perkhidmatan yang terbaik untuk semua anggota.

### **Hartanah**

Terdapat dua buah rumah yang belum terjual iaitu di Padang Kala. Pada tahun 2019 ini koperasi akan membina rumah dengan harga tidak lebih daripada RM350,000.00. Oleh itu, koperasi sangat mengalu-alukan anggota untuk membeli dan membina rumah dengan koperasi. Pada

tahun 2018, pendapatan hartanah tidak menguntungkan kerana harga rumah terlalu tinggi. Hal ini kerana rumah telah dibina dengan kos yang tinggi. Koperasi telah merancang untuk bekerjasama dengan anggota yang mempunyai tanah dan membina rumah di atas tanah anggota.

### **Hotel**

Koperasi kini telah menambah satu lagi bidang perniagaan iaitu dalam bidang perhotelan dan membuka hotel sendiri dengan nama Diamond Hotel. Kedudukan hotel ini sangat strategik kerana lokasinya di tengah-tengah Bandar Kota Bharu serta berdekatan dengan kemudahan-kemudahan awam seperti bank, hospital, terminal bas, kedai-kedai, pasaraya dan sebagainya.

Semua anggota juga disarankan untuk menginap dan mengadakan aktiviti seperti kursus dan seminar di hotel milik Koperasi ini. Anggota akan diberikan diskaun istimewa sekiranya menginap dan menyewa dewan di Diamond Hotel.

### **Kedai Tayar**

Kedai Tayar milik koperasi ini sebenarnya sudah sekian lama beroperasi, namun hanya orang luar atau bukan anggota yang hadir untuk mendapatkan perkhidmatan baiki dan servis kereta di kedai tayar tersebut. Untuk pengetahuan semua anggota yang hadir, kedai tayar ini diwujudkan untuk menjaga kebajikan semua anggota yang mana anggota boleh membuat penukaran tayar kereta dan membaiki kereta dengan bayaran secara ansuran iaitu melalui potongan gaji.

### **Keanggotaan**

Setiap hari, ada anggota yang bersara dan berhenti menjadi anggota koperasi. Oleh itu saya meminta agar anggota bersara meneruskan menjadi anggota. Pihak koperasi telah menubuhkan Skuad Pemasaran untuk mencari anggota baru di setiap sekolah. Untuk dua bulan pertama, Skuad Pemasaran telah berjaya mencari anggota baru. Semoga anggota di sekolah dapat memberikan kerjasama apabila Skuad hadir ke sekolah.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada hari ini, saya ingin menyampaikan satu berita baik iaitu setiap anggota yang berjaya membawa masuk anggota baru akan menerima insentif sebanyak RM50.00 bagi setiap anggota baru yang baru mendaftar.

### **Bakti Guru Sendirian Berhad (BGSB)**

BGSB merupakan anak syarikat Koop Guru yang menyediakan kemudahan belian barangan seperti motosikal, perabot, komputer, telefon bimbit dan sebagainya. Semua anggota boleh mendapatkan barangan tersebut di kedai-kedai panel yang telah dilantik. Selain itu, BGSB juga menyediakan pakej umrah. Saya berharap semua anggota dapat menyokong semua aktiviti yang disediakan oleh BGSB.

Pada tahun 2019, BGSB telah bekerjasama dengan travel umrah. Anggota bersara juga boleh membuat pinjaman untuk mengerjakan umrah. Selain itu, BGSB juga akan mengadakan pakej menjual kurma di sekolah-sekolah. Saya berharap semua anggota dapat bekerjasama dan memberikan sokongan dengan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh BGSB.

Tuan/puan sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya berharap semua anggota yang hadir dapat membuat pilihan yang terbaik untuk bakal-bakal perwakilan yang bertanding. Perwakilan yang bakal dipilih adalah seramai 28 orang dan juga semakin berkurang berbanding tahun-tahun sebelum ini kerana jumlah keseluruhan anggota di kawasan Kota Bharu 1 yang semakin berkurang. Oleh itu, semua anggota diharap membuat pilihan yang sewajarnya. Manakala kepada semua perwakilan yang telah berjaya dalam pemilihan pada hari ini, saya berharap anda semua dapat memberi manfaat dan menjadi pengantara antara anggota dengan koperasi. Semoga semua perwakilan yang baru dilantik nanti dapat menyampaikan maklumat-maklumat terbaharu dan membantu semua anggota di kawasan masing-masing.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang hadir. Semoga kehadiran tuan/puan sekalian dapat memberi semangat kepada semua ALK dalam mentadbir urus koperasi dengan lebih baik.

Selamat bersidang.

## **AGENDA**

### **AGENDA 1 : Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat**

- 1.1 Pengacara Majlis menjelaskan Pengerusi Mesyuarat Agung kawasan ini hendaklah dipilih oleh majlis mesyuarat daripada Anggota Koperasi yang hadir.
- 1.2 En. Raman b Hassan (008101) mencadangkan En. Khairul Azam b Che Seman (014840) sebagai Pengerusi Mesyuarat, dan disokong oleh En. Saadi b Hassan (007903).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

### **AGENDA 2 : Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat**

- 2.1 Pengacara Majlis turut menjelaskan seorang Setiausaha juga perlu dipilih oleh majlis mesyuarat daripada Anggota Koperasi yang hadir.
- 2.2 En. Raman b Hassan (008101) mencadangkan En. Mazlan b Mat (007074) sebagai Setiausaha Mesyuarat dan disokong oleh En. Saadi b Hassan (007903).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

### **AGENDA 3 : Menerima dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke -12/2017**

- 3.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga, Hj. Mohamad Razali b Hj. Bakar membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-12/2017.
- 3.2 Hj. Mohamad Razali b Hj. Bakar membentangkan Minit Mesyuarat Agung kali ke-12/2017 dari muka surat 1 hingga 12.
- 3.3 Pn. Che Murni b Che Cob (014080) mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-12/2017 diterima dan disahkan, disokong oleh Pn. Norlizanawati bt Md Ali (018842).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

### **AGENDA 4 : Menimbang Laporan Lembaga 2018**

- 4.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Timbalan Lembaga, Hj. Mohamad Razali b Hj. Bakar membentangkan draf Laporan Tahunan bagi tahun 2018.
- 4.2 Hj. Mohamad Razali b Hj. Bakar membentangkan draf Laporan Lembaga bagi Tahun 2016 bermula dari muka surat 1 hingga muka surat 48.
- 4.3 En. Mohd Azam b Othman (013461) mencadangkan Laporan Lembaga bagi tahun 2018 diterima dan disahkan, disokong oleh En. Rahman b Hassan (008101).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

### **AGENDA 5 : Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24/2019**



**AGENDA 5** iaitu **Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24/2019** telah dipinda ke **AGENDA 9** dan **AGENDA 6** menjadi **AGENDA 5** iaitu **Menimbang draf akaun atau jika teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018.**

**AGENDA 5 :**                   **Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018.**

- 5.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Timbalan Bendahari Koperasi, En. Asmadi b Omar untuk membentangkan draf akaun bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.
- 5.2 En. Asmadi b Hassan membentangkan akaun Koperasi dari muka surat 1 hingga muka surat 16.
- 5.3 En. Ghazali b Ibrahim (010982) mencadangkan supaya draf akaun bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 diterima dan disahkan, disokong oleh Hj. Zakaria b Mohd Yusoff (008651).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

**AGENDA 6 :**                   **Menimbang Belanjawan Tahunan Bagi Tahun 2020 Semakan 2019 Untuk Dibentangkan Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-24/2019**

- 6.1 Pengerusi Mesyuarat meminta supaya Timbalan Bendahari Lembaga membentangkan belanjawan tahunan bagi tahun 2020 dan semakan 2019 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ke-24/2019.
- 6.2 En. Asmadi b Omar membentangkan belanjawan tahunan bagi tahun 2020 dan semakan 2019 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ke-24/2019 dari muka surat 16 hingga muka surat 23.
- 6.3 En. Ghazali b Ibrahim (010982) mencadangkan supaya belanjawan tahunan bagi tahun 2020 dan semakan 2019 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ke-24/2019 diterima dan disahkan, disokong oleh Hj. Zakaria b Mohd Yusoff (008651).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

**AGENDA 7 :**                   **Menimbang cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.**

- 7.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga membentangkannya.
- 7.2 Setiausaha Lembaga, Hj. Mohd Razali b Hj. Bakar menyatakan bahawa tiada cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan Aktiviti Koperasi untuk dibentangkannya.

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

**AGENDA 8 : Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.**

- 8.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga membentangkannya.
- 8.2 Setiausaha Lembaga menjelaskan tiada usul dibentangkan.

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

**AGENDA 9 : Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24/2019.**

- 9.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Pengerusi JK Pemilihan, En. Mohd Zin b Halim untuk memberi penerangan tentang cara pemilihan dan tatacara pemilihan.
- 9.2 Seterusnya, En. Mohd Zin b Halim mengumumkan hanya 25 borang pencalonan yang diterima sehingga tarikh tutup pencalonan. Oleh itu, semua calon Kawasan Kota Bharu 1 diisytiharkan sebagai menang tanpa bertanding. Namun, semua calon perlu hadir dan tampil ke hadapan semasa sesi memperkenalkan diri calon. Calon yang namanya dipanggil sebanyak tiga kali dan pencalonannya secara automatik terbatal sekiranya tidak hadir ke hadapan semasa namanya dipanggil. Calon-calonnya adalah seperti berikut :

NO. CALON	NO. ANGGOTA	NAMA	ALAMAT
01	014080	CHE MURNI BT CHE COB	SMK TANJONG CHAT
02	018703	NORAIDA SALMIZA BT MOHAMED	SMK TANJONG CHAT
03	007074	MAZLAN B MAMAT	SK MERBAU
04	006998	SAARI B JUSOH	SK KEM PENGKALAN CHEPA
05	009373	SHAPEI B ABU BAKAR	SMK DATO AHMAD MAHER
06	007254	WAN MOHAMED AZEMI B WAN YAACOB	LOT 781, JLN TMN BUAYA KG BADANG, SEMUT API
07	008101	RAMAN B HASSAN	SK ABDUL HADI
08	008651	HJ ZAKARIA B MOHD YUSOFF	LOT 162 JLN PENGKALAN CHEPA
09	016461	HASHIM B MOHAMED	SK TENGKU INDERA PETRA
10	013461	MOHD AZAM B OTHMAN	SMK KEDAI BULOH
11	018980	ROSKAMILA BT ABD GHANI	SK TANJONG MAS


12	010982	GHAZALI B IBRAHIM	PT 179, KG JAYA SETIA, JLN PANTAI CAHAYA BULAN
13	007328	WAN RUSAIDI B WAN ABDULLAH	SMK ISMAIL PETRA
14	005472	MOHD NOR B NAWI	SK KEM PENGKALAN CHEPA
15	018544	HAMDAN B MOHAMAD	SK KEM PENGKALAN CHEPA
16	005709	RAMELI B IBRAHIM	NO 2623 KG PENGKALAN NAGKAS, PENG CHEPA
17	007903	SAADI B HASSAN	SK ISLAH
18	008273	TUAN ZAILANI BT TUAN AB RAHMAN	KOLEJ VOKASIONAL PENG. CHEPA
19	010204	AZANI B MAMAT	SMK TANJUNG MAS
20	006665	MOHD NOR B MAMAT	D37 TMN UDA MURNI, JLN PENG CHEPA
21	007618	RUSLEE B OMAR	SMK BADANG
22	010070	AZAHAR B YUSOF	SK KEMUMIN
23	009604	NIK SHALIZA BT ABD RAHMAN	SM SAINS TG MUHAMMAD FARIS PETRA
24	004280	ZULKEPLI B DOLLAH	NO 197-A, KG KEMUMIN, PENGKALAN CHEPA
25	008821	NORDIN AHMAD B AHMAD	SK SERI CHEMPAKA

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.


**PENCATAT MINIT :**

1. PN. WAN ROSNIDA BT WAN IBRAHIM
2. CIK SYURAI DAH BT MAT LARAK @ MAT ZAID

**TANDATANGAN PENERUSI MESYUARAT :**

  
Khatirul ADAM B CHE SEMAN  
14840

**TANDATANGAN SETIAUSAHA MESYUARAT:**

  
Nurul Mej  
7074